



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 15

RABU, 7 OGOS, 1963.

دبؤ 17 ربيع الاول، 1383

PERCHUMA

DASAR MUTLAK PANDUAN D. Y. M. M.

*Dan Kerajaan Ia-lah Menjamin Kebajikan
Dan Kema'moran Negara
Dan Ra'ayat — Titah Baginda*

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah bertitah kepada ramai Pegawai2 Kerajaan, Penghulu2, Ketua2 Kampong, pembesar2 negara dan lain2-nya di-Istana Darul Hana pada 17 Julai, 1963 bahawa dasar mutlak yang menjadi panduan Baginda dan Kerajaan Baginda ia-lah untuk menjamin kebajikan dan kema'amoran Negeri Brunei serta sa-kalian ra'ayat-nya.

Titah Baginda dengan sa-penoh-nya ada-lah di-siarkan di-bawah ini:

"Ra'ayat Beta yang di-kasehi, tuan2 dan puan2 sekalian tentu-lah menyedari bahawa sa-lama lebeh dari dua tahun soal mengenai pergabungan negeri kita dengan Persekutuan Malaysia yang di-chadangkan itu telah menjadi satu perkara yang sangat2 menarik perhatian Beta dan Kerajaan Beta.

akan di-ingati sa-bagai meng-mang-nya bahawa Majlis Meshuarat Negeri telah meluluskan dengan ketetapan-nya supaya perundingan2 patut-lah di-adakan di-antara Brunei dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Berikut dengan keputusan ini maka satu rombongan Brunei telah melawat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk membinchangkan dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sa-lama tidak kurang dari tiga kali. Beta sendiri telah pergi ka-Malaya bagi maksud yang sa-rupe itu sa-lama dua kali:

Dasar mutlak yang menjadi panduan Beta dan Kerajaan Beta ia-lah untuk menjamin kebajikan dan kemaamoran Negeri Brunei serta sa-kalian ra'ayat-nya.

Sa-bagai-mana yang telah Beta katakan beberapa kali yang lampau, konsep bagi mengadakan perhubungan yang lebeh rapat dengan jiran2 kita mahu pun di-Sabah dan Sarawak dan juga di-Persekutuan Tanah Melayu serta Singapura sesungguh-pun mena-rek hati.

Kita sa-kalian mempunyai ba-nyak perkara yang sama dan hubungan tentang ugama, bahasa, kebudaya'an dan adat resam.

Selalu telah menjadi dasar kita

untuk mengadakan perhubungan yang rapat dan muhibbah dengan jiran2 kita dan, dengan syarat faedah dan kepentingan kebajikan kebaikan ra'ayat Brunei diberi jaminan dengan sa-chukup2-nya pada mengadakan satu perhubungan yang lebeh rapat lagi sa-bagai sa-buah negara atau negeri di-dalam Persekutuan Malaysia yang di-shorkan itu nampak-nya memuaskan hati.

Tidak dapat di-nafikan baha-wa Kerajaan Beta telah menim-bangkan dengan sa-halus2-nya mengenai perkara yang amat pen-ting ini yang menyentuh ra'ayat Brunei sa-kalian.

Ini dapat di-buktikan bukan sahaja dengan kerela'an kita untok melawat ka-Malaya bahkan juga dengan lawatan Beta yang baharu2 ini ka-London bersama2 dengan rombongan Brunei atas undangan Kerajaan Baginda Queen.

Oleh itu sa-te'ah mengkaji de-ngan sa-habis teliti akan semua hal2 mengenai soal ini, maka Beta dan Kerajaan Beta telah membuat keputusan bahawa kepentingan bagi kebajikan kabai-kan Brunei dan ra'ayat2-nya tidak akan dapat terchapai de-ngan kita memasoki Persekutuan

(Lihat Muka 5)

DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA BALEK KA-BRUNEI



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei telah kembali ka-Brunei dengan kapal terbang dari Malaya pada petang hari Isnin 5 Ogos untok menyempurnakan kelepasan persekolahan di-Tanah Ayer. Duli Pengiran Muda Mahkota telah di-iringi oleh Y. T. M. Pengiran Muda Mohamed Bolkih, putera yang ke-dua kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Yusof, putera Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Yang Mulia Awangku Kamaralzaman, putera Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud. Dalam gambar ini kelihatan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota, Y. T. M. Pengiran Muda Mohamed Bolkih dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Yusof sedang turun dari kapal terbang pada masa ketibaan di-Brunei pada petang hari Isnin yang lalu.



DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA MAULANA AL-SULTAN SIR OMAR ALI SAIFUDDIN.

D. Y. M. M. DAN ROMBONGAN SELAMAT KEMBALI DARI LONDON

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan Sir-Omar Ali Saifuddin dan rombongan mengandongi Pegawai2 Kerajaan Brunei telah selamat kembali ka-Brunei dengan kapal terbang dari London pada petang kelmarin, hari Selasa 6 Ogos, 1963.

Baginda dan rombongan telah berangkat ka-London pada 22 Julai, 1963 untok mengadakan perundingan dengan Pegawai2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen mengenai kedudukan Negeri Brunei pada masa hadapan.

Ahli2 rombongan Duli Yang Maha Mulia mengandongi Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un; Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Peguam Negara Brunei, Yang Berhormat Inche Idris l'alog Davies dan lain2-nya.

Perjumpaan Nadzir2 Dan Guru2 Besar Sekolah2 Melayu

SENGKURONG. — Pengelola Pelajaran Melayu Negeri Brunei, Inche Noordin bin Abdul Latiff telah membuka dengan rasmi-nya Perjumpaan Nadzir2 dan Guru2 Besar Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei di-Sekolah Melayu Sengkurong pada pagi 31 Julai, 1963.

Perjumpaan itu telah di-adakan di-bawah anjoran Jabatan Pelajaran Negeri Brunei dan di-hadiri oleh kira2 lima puluh orang peserta2.

Dalam ucapan-nya Inche Noordin berkata bahawa perkembangan pelajaran di-negeri ini ada-lah tugas atau tanggung-jawab Guru2 Besar tiap2 buah sekolah dan Jabatan Pelajaran akan sentiasa memberi pertolongan kepada Guru2 Besar itu dalam usaha mereka untuk memberi pendidikan yang berfaedah kepada murid2 sekolah dalam negeri ini.

Inche Noordin berharap bahawa Guru2 Besar yang menghadiri perjumpaan itu akan bawa balek pengetahuan2 yang mereka memperolehi ka-sekolah masing2 untuk perkembangan sekolah mereka.

Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei, Inche Mohamed Husain bin Mohamed Yusof telah memimpin majlis pembukaan rasmi Perjumpaan Nadzir2 dan Guru2 Besar tersebut.

Turut memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei, Inche Othman bin Bidin dan Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar.

Sa-belum di-adakan upacara tersebut, murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah Melayu Sengkurong telah mengadakan pertunjukan senaman di-padang Sekolah Melayu Sengkurong.

Berbagai2 perkara mengenai perkembangan kemajuan pelajaran di-Sekolah Melayu, saperti kerja2 pagi, kebersihan, perkebunan, senaman, kerja2 biasa yang di-buat di-sekolah2 telah di-tunjukkan kepada para peserta.

Pegawai Pelajaran Negeri Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes telah menutup perjumpaan Nadzir2 dan Guru2 Besar Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei pada petang hari tersebut.

Dalam ucapan-nya Inche MacInnes berkata bahawa walau pun pentadbiran yang baik diperlukan bagi menjayakan pelajaran dalam mana2 negeri, orang yang paling berpengaruh dalam dunia pelajaran ia-lah guru2 dalam bilek darjah, kerana guru2 itu dapat menghubungkan dengan kanak2 di-darjah-nya pada tiap2 hari persekolahan dan dapat

membuka fikiran kanak2 dalam darjah-nya bagi menyedarkan berkenaan dengan dunia di-sekeliling mereka dan juga boleh memandu mereka ka-jalan yang benar untuk menjadi ra'ayat yang baik bagi negeri mereka.

Untuk melaksanakan hal tersebut, tegas Inche MacInnes, sa-orang guru di-kehendaki supaya saling mengerti antara orang2 di-sekeliling-nya dan dunia dan juga mesti-lah ia meneruskan mempelajari yang membolehkannya mempunyai kelayakan yang baik bagi pekerjaan yang hendak di-buat-nya.

Selanjut-nya Inche MacInnes berkata bahawa ada-lah kewajipan Pegawai2 di-Pejabat Pelajaran untuk menhuba memberi peluang kepada semua guru2 bagi menjayakan kebolehan akademik mereka supaya mereka menjadi guru yang lebeh baik dan beliau suka melihat semua guru2 dalam Sekolah2 Melayu bersedia untuk memasoki Pepe-



Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes sedang memberi ucapan penutup di-majlis perjumpaan Nadzir2 dan Guru2 Besar Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei pada 31 Julai, 1963 di-Sekolah Melayu Sengkurong, Brunei

reksaan Sijil Rendah Persekutuan Tanah Melayu pada masa beberapa tahun hadapan untuk membolehkan guru2 muda yang pada masa ini berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran Negeri Brunei dapat mengambil bahagian dalam Peperiksaan Sijil Rendah tersebut.

Inche MacInnes menerangkan bahawa bahasa penghantar dalam peperiksaan tersebut ia-lah Ba-

hasa Melayu dan tidak-lah begitu sukar bagi guru2 hendak lulus da'am peperiksaan itu.

Beliau berharap Guru2 Besar menggunakan kebijaksanaan mereka bagi menggalakkan guru2 dalam sekolah masing2 supaya memulai belajar bagi menyesuaikan diri dalam Peperiksaan Sijil Rendah tersebut pada masa Pejabat Pelajaran mengatorkannya kelak.

PEMBUKAAN RASMI DARJAH DEWASA LUMUT

LUMUT. — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah merasmikan pembukaan Darjah Dewasa Bahasa Melayu di-Kampung Lumut pada hari Ahad 28 Julai yang lalu.

Pengiran Momin telah mengucapkan tahniah kepada penduduk2 di-Kampung Lumut yang telah menyahut seruan Kerajaan untuk membenters buta huruf yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Dalam ucapan-nya Pengiran Momin berkata bahawa pada sa'at yang bersejarah itu beliau sangat-lah berasa bangga untuk menghadiri di-majlis tersebut bersama2 dengan para hadirin sekalian dan berharap darjah dewasa itu akan mendapat sambutan yang baik, bukan sahaja dari kaum lelaki, bahkan juga dari kaum wanita di-kampung itu — biar pun dari kalangan orang2 yang berumur ka-atas 60 tahun, kerana dalam so'al menuntut ilmu, tidak-lah ada umur yang terhad bagi-nya.

"Bahasa Melayu ia-lah Bahasa Rasmi di-negeri kita ini sa-bagai mana yang di-chatatkan dalam Perlembagaan Negeri Brunei Tahun 1959. Dan Bahasa Melayu itu bukan-lah sahaja di-gunakan di-negeri kita ini, bahkan juga di-negeri2 tetangga yang mempunyai ra'ayat lebeh 100 juta manusia saperti di-Malaya, Indonesia, Sarawak, Sabah, Singapura dan Philipina. Memandang ka-

pada ramai-nya orang2 yang menggunakan Bahasa Melayu itu, maka kita bukan sahaja tahu menutorkan-nya tetapi biar-lah juga tahu untuk menulis dan membaca", kata Pengiran Momin.

Dengan sebab itu-lah, kata beliau, maka Kerajaan sentiasa bersedia untuk menyediakan Darjah2 Dewasa dan menyediakan tempat2 dan guru2-nya dengan tidak mengenakan apa2 perbelanjaan kepada orang2 kampung.

Beliau telah menyeru kepada penuntut2 Darjah Dewasa Bahasa Melayu itu supaya mereka belajar dengan giat, rajin dan tekun untuk menchapai kemajuan yang mereka harapkan itu dan juga melaksanakan chita2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untuk membenters buta huruf di-Negeri Brunei.

Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib I Awang Umar telah menegaskan di-majlis pembukaan rasmi Darjah Dewasa Bahasa Melayu di-Kampung Lumut bahawa belajar menulis dan membaca ada-lah satu tanggung jawab mereka dan dengan mengetahui menulis dan membaca, mereka akan lebeh tahu kedudukan mereka dalam masyarakat dan tanggung jawab mereka kepada tanah ayer dan negara.

Yang Berhormat Tuan Haji Jamil menerangkan di-majlis tersebut bahawa sa-ramai 16,845 orang ra'ayat negeri ini maseh lagi buta huruf. Dari jumlah itu hanya 2,000 orang sudah belajar di-darjah2 dewasa Bahasa Melayu di-seluruh negeri ini.

Beliau telah mendesak para penuntut darjah dewasa itu supaya mereka belajar dengan tekun dan giat demi kepentingan Negeri Brunei Darus Salam.

MENERUSKAN LATEHAN

BERAKAS. — Inche Husain bin Haji Mohamed, sa-orang Kadet Askar Melayu Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur dari sini dengan kapal terbang pada 27 Julai yang lalu untuk mene-

ruskan latehan-nya di-Perkhema-han Siginting.

Inche Husain telah balek ka-Brunei untuk berchuti sa-lama dua minggu di-Tanah Ayer bersama2 dengan ibu bapa serta keluarga-nya.

PENGAKAP2 BRUNEI MENGHADHIRI

Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia

BERAKAS. — Rombongan Pengakap Brunei mengandungi delapan orang, ia-itu dua orang Pegawai2 Pengakap dan enam orang pengakap2 telah berlepas dari Brunei ka-Greece dengan kapal terbang melalui Singapura pada petang 29 Julai yang lalu untuk menghadiri Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia Kali Yang Ka-Sabelas di-sana.

Mereka ia-lah Pesuruh Jaya

SHARAHAN2 UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei akan melawat ka-beberapa tempat di-Negeri Brunei dalam bulan ini untuk memberi sharahan2 berkenaan dengan ugama Islam.

Tarikh, masa dan tempat lawatan anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam sa-bagai mana yang telah di-tetapkan ada-lah di-umumkan di-bawah ini:

Hari Juma'at 9 Ogos: (a) Sekolah Melayu Batu Apoi mulai daripada pukul 1.30 petang hingga ka-pukul 4 petang. (b) Kampong Kiarong mulai daripada pukul 2.30 petang hingga ka-pukul 4 petang.

Hari Juma'at 16 Ogos: (a) Masjid Kampong Birau mulai daripada pukul 10.30 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari. (b) Masjid Penapar mulai daripada pukul 10.30 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari.

Hari Juma'at 23 Ogos: (a) Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut mulai daripada pukul 2.30 petang hingga ka-pukul 4 petang. (b) Kampong Pengiran Pemancha Lama mulai daripada pukul 2.30 petang hingga ka-pukul 4 petang.

Hari Ahad 25 Ogos: Kampong Lumut, Daerah Belait mulai daripada pukul 3 petang hingga ka-pukul 5 petang.

Hari Juma'at 30 Ogos: Sekolah Melayu Puni, Temburong mulai daripada pukul 2 petang hingga ka-pukul 4 petang.

Wartawan2 Australia Dan Afrika

MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Dua orang wartawan, sa-orang dari Australia dan sa-orang lagi dari selatan Afrika telah melawat ka-Brunei baharu2 ini.

Mereka ia-lah Inche J.E. Crew dari Australia dan Inche G.D. Blylock dari Selatan Afrika.

Wartawan2 itu telah melawat ka-Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Sarawak sa-belum melawat ka-Brunei.

Sa-lepas lawatan ka-Brunei, mereka telah berangkat ka-Jesselton dan dari sana telah meninjau ka-beberapa buah daerah di-Sabah.

Pengakap2 Daerah Belait, Inche Abu Bakar bin Othman, sa-bagai Ketua Rombongan; Guru Pengakap Pasokan Asrama Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, Inche Yahya bin Yusof, sa-bagai Timbalan Ketua Rombongan; Mohamed Yassin bin Awang Said dari Pasokan Pengakap Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei; Lim Pang Kit dan Husin bin Haji Sulaiman dari Pasokan Pengakap Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar

Brunei; Michael Chee dan Nikman bin Mohamed Noor dari Pasokan Pengakap Yang Pertama, Seria serta Teo Kwan Eng dari Pasokan Pengakap Yang Pertama, Belait.

Rombongan perwakilan Pengakap2 Brunei tersebut telah disertai oleh dua orang penuntut2 Brunei di-United Kingdom, ia-itu bekas Guru2 Pengakap Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, Inche Ali bin Daud dan Awang Abu Bakar bin Haji Ahmad.

Sa-belum mereka berpisah dari negeri ini, satu upacara menyampaikan Bendera Negeri Brunei untuk di-kibarkan oleh rombongan tersebut di-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia, telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei.



Rombongan Pengakap2 Brunei ka-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia bergambar ramai dengan Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei, Inche P.A. Coates (berdiri di-tengah); Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Brunei, Inche Ali Khan (berdiri nombor dua dari kanan) dan Guru Pengakap Daerah Brunei, Inche Charlie Keasberry (berdiri kiri sa-kali) sa-belum Pengakap2 itu berlepas ka-Greece pada 29 Julai.

KURSUS PERTANIAN

KILANAS. — Seramai delapan orang dari Daerah2 Brunei/Muara, Tutong, Belait dan Temburong pada masa ini sedang menghadiri kursus pertanian sa-lama dua bulan di-Sekolah Latehan Pertanian di-Kilanas.

Penuntut2 itu ia-lah seperti di-bawah ini:

Dari Daerah Brunei/Muara: Inche Siau bin Miramit, Kampong Parit/Limau Manis dan Inche Abdul Rahman bin Haji Kamis, Kampong Junjongan, Pengkalan Batu.

Dari Daerah Tutong: Inche Othman bin Lajan, Kampong Sinaut dan Inche Berapi bin Nyawa, Kampong Bukit Udal.

Dari Daerah Belait: Mambang anak Bulan, Kampong Bidadong Baru, Sukang dan Inche Mohamed Salleh bin Said, Kampong Sungai Liang.

Dari Daerah Temburong: Elau anak Nyuak, Kampong Amo dan Danggat anak Renggai, Kampong Amo.

Kursus pertanian itu telah di-mulai pada 1 Julai dan akan tamat pada 31 Ogos.

Dalam masa menghadiri kursus pertanian itu, para penuntut di-beri berbagai2 sharahan mengenai ilmu pertanian, membuat

pekerjaan luar serta melawat ka-kampong2 yang sudah maju seperti di-tempat menternak ayam, memelihara ikan dalam kolam, semeian buah2an dan lain-nya.

Sharahan2 yang di-berikan di-Sekolah Latehan Pertanian itu ia-lah:

Semeian buah2an dan membiakkan pokok2 oleh Inche Talip bin Meramit. Musoh tanaman dan penyakit2 pokok oleh Inche Sulaiman bin Meramit. Kebun sayoran2 oleh Inche Suhaimi bin Haji Ismail. Memelihara ikan2 ayer tawar oleh Inche Noorsaid bin Mohamed Zain. Getah para oleh Inche Ibrahim Lamit.

Pemeliharaan binatang2 ternakan oleh Inche Abdul Hamid bin Ja'afar. Menternakan dan lain2 oleh Inche Ahmad bin Haji Bayan. Musoh binatang2 dan penyakit2-nya oleh Inche A.K. Sundram. Padi dan gandom oleh Inche Solomon Soo. Kopi dan kelapa oleh Inche W. G. Agne Persatuan Peladang oleh Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh.



Y.B. Dato Setia Pengiran Haji Ali, Timbalan Menteri Besar Brunei kelihatan memereksa dan mengutipkan tahniah kepada rombongan Pengakap2 Brunei ka-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia.

Bendera Brunei itu telah di-sampaikan kepada rombongan tersebut oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Timbalan Menteri Besar, Brunei sa-bagai mewakili Ketua Pengakap Negeri Brunei, Yang Terutama Inche A.M. MacIntosh Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali telah mengucapkan tahniah kepada anggota2 rombongan perwakilan Pengakap2 Brunei yang telah di-pilih untuk mewakili Negeri Brunei di-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia.

Beliau telah memberi nasehat yang berfaedah kepada anggota2 rombongan tersebut sambil meminta mereka menjaga nama baik mereka kerana mereka dapat-lah di-sifatkan sa-bagai "Duta yang tidak rasmi" dari Negeri Brunei ka-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia itu.

Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia itu di-adakan di-Kota Athens, Greece mulai daripada 1 Ogos hingga ka-11 Ogos.

Sa-lepas itu rombongan perwakilan Pengakap2 Negeri Brunei yang tersebut akan melawat ka-beberapa tempat di-Greece.

Mereka akan balek dari Greece ka-Brunei dengan kapal terbang pada 18 Ogos dan di-jangka sampai di-Brunei pada 20 Ogos.

Pegawai Pertanian Negara Ka-Holland

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Pertanian Negara Brunei, Yang Berhormat Inche Hamid bin Awang Damit telah berlepas ka-Holland dalam bulan Julai yang lalu untuk menghadiri Seminar Pertanian Antara Bangsa di-Wageningen, Holland.

Seminar Pertanian itu di-tajakan oleh Pusat Pertanian Antara Bangsa dan di-adakan mulai dari 8 Julai hingga ka-3 Ogos di-bawah naungan Pertubuhan Makanan dan Pertanian, Pertubuhan Bangsa2 Bersatu.

D. P. B. LETAK BATU ASAS BANGUNAN GURU2

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dengan rasmi-nya telah meletakkan batu asas pada pagi hari Jumaat 2 Ogos, 1963.

Bangunan tersebut yang akan di-bena sa-tinggi enam tingkat, akan menelan perbelanjaan lebeh kurang \$1,100 000 dan di-jangka siap pada akhir bulan Julai tahun 1964.

Di-antara ramai para jempunan yang hadir di-majlis yang bersejarah itu ia-lah Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamaralzaman; Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes dan Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar.

Upacara meletakkan batu asas Bangunan2 Guru2 Melayu Brunei itu di-akhiri dengan

bacha'an do'a selamat oleh Yang Dimulihkan Pehin Siraja Khatib Haji Sa ad bin Juru Apong.

Sa-telah selesai di-adakan upacara tersebut, para hadirin telah di-jemput menghadhiri satu majlis jamuan teh di-Rumah Persekutuan Guru2 Melayu Brunei

di-Jalan Chevalier.

Sa-belum bersurai, Yang Dipertua Agong Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Inche Shahabudin bin Mohamed Sa'eh telah menghadihkan sa-keping gambar lukisan Bangunan Baharu Guru2 Melayu Brunei kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan sa-keping lagi lukisan bangunan tersebut kepada Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud sa-bagai chenderamata.



Satu pemandangan di-upacara meletakkan batu asas Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada pagi hari Jumaat 2 Ogos, 1963. Dalam gambar ini kelihatan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara sedang memberi ucapan di-upacara yang bersejarah itu sa-belum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara meletakkan batu asas itu.

MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Konsol Agong Philipina di-Singapura, Inche Juan C. Dienisie telah melawat ka-Brunei pada 21 Julai yang lalu sa-lepas melawat ka-Jesselton.

Beliau telah di-iringi oleh Inche Vic Vibar, sa-orang Pegawai Pentadbir yang di-perbantukan kepada Konsol Agong Philipina di-Singapura.

Inche Dienisie telah mengadakan pertemuan dengan warga negara Philipina yang berada di-Negeri Brunei pada masa lawatan-nya ka-negeri ini.

Beliau telah berangkat ka-Kuching dengan kapal terbang pada petang 22 Julai dalam perjalanan-nya ka-Singapura.

PELAJARAN SANGAT BERGUNA KAPADA NEGARA

BATU MARANG. — Pelajaran itu sangat-lah berguna kepada sa-sabua negara dan kemajuan negara itu bergantung-lah kepada ra'ayat negara itu, kata Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar, Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Beliau telah melafadzkan kata2 yang berharga itu ketika merasmikan pembukaan Darjah Dewasa Bahasa Melayu di-Kam-

pong Batu Marang pada malam 1 Ogos yang lalu.

Dalam ucapan-nya Yang Berhormat Tuan Haji Jamil tegaskan bahawa pelajaran dewasa Bahasa Melayu di-adakan ia-lah sa-bagai asas bagi menchapai pelajaran2 yang di-kehendakki oleh ra'ayat negeri ini.

Majlis itu telah di-pengurusikan oleh Pengiran Aliuddin bin Pengiran Omar Ali, Guru Agama Sekolah Melayu Batu Marang dan di-hadhiri oleh ramai penduduk2 Kampong Batu Marang serta beberapa orang yang telah di-jemput khas dari lain2 tempat.

Ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Penghulu Kampong Batu Marang, Pengiran Abdul Kahar, Wakil Murid2 Darjah Dewasa Bahasa Melayu Kampong Batu Marang, Inche Abdul Majid bin Mohamed Yusof dan lain2-nya.

Mailis itu di-tamatkan dengan bacha'an do'a selamat oleh Imam Masjid Batu Marang, Pengiran Haji Abu Bakar.

SAMBUTAN HARI JADI D. Y. M. M.

KUALA BELAIT. — Penduduk2 di-Daerah Belait akan menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan sa-lama lima hari dari 23 September.

Perayaan tersebut akan di-adakan, di-tanah lapang Jalan Bunga Raya, Kuala Belait.

Berbagai2 achara akan di-adakan, di-antara-nya ia-lah pertunjukan bunga api, perarakan tanglong dan pertandingan menyanyi.

Belia2 Dari Malaya Ka-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh orang wakil2 dari Kelab2 Belia Sa-Malaya akan melawat ka-Brunei sadikit hari lagi dalam bidang lawatan muhibbah mereka ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Sabah.

Mereka akan di-ketuai oleh Inche Chong Thin Huatt, sa-orang Ahli Jawatan Kuasa Tadbir, Persatuan Kelab2 Belia Sa-Malaya dan Inche Abdul Jalil bin Dato Abdullah sa-bagai Setia Usaha rombongan.

Para pelawat itu di-jangka tiba di-Brunei dari Jesselton pada 15 Ogos dan berangkat ka-Kuching pada 21 Ogos.

Sementara itu Persatuan Seni Budaya Melayu Brunei dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Brunei, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, persatuan2 dalam negeri ini dan lain2-nya sedang membuat persediaan2 bagi meraikan lawatan muhibbah para pemuda dan pemudi tersebut ka-Brunei.

TELAGA BAHARU

SERIA. — Telaga baharu yang di-namakan "South West Ampa," letak-nya kira2 7½ batu dari pantai Kuala Belait telah mengeluarkan minyak.

Menurut satu pengumuman yang di-terbitkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad pada 22 Julai, 1963 telaga tersebut di-korek hingga sa-dalam 9,480 kaki.

Beberapa ujian pengorekan telah di-jalankan terlebih dahulu dan ujian2 itu di-teruskan lagi.

Melawat Kapal Perang

BANDAR BRUNEI. — Lebeh daripada 300 orang, kebanyakannya penuntut2 telah melawat kapal perang H.M.S. Dampier ketika kapal perang itu berlaboh dilaut berdekatan Muara pada tengah hari 21 Julai yang lalu.


WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei, Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 7 Ogos hingga ka-hari Selasa 20 Ogos, 1963.

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan K. Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

H. Bulan	Amsak	Suboh	Dzohor	'Asar	Maghrib	Isha
7	4.42	4.57	12.30	3.51	6.40	7.53
8	4.42	4.57	12.30	3.51	6.40	7.53
9	4.42	4.57	12.30	3.51	6.39	7.52
10	4.42	4.57	12.30	3.51	6.39	7.52
11	4.42	4.57	12.30	3.51	6.39	7.52
12	4.42	4.57	12.29	3.50	6.38	7.51
13	4.42	4.57	12.29	3.50	6.38	7.51
14	4.42	4.57	12.29	3.50	6.38	7.51
15	4.42	4.57	12.29	3.50	6.38	7.51
16	4.42	4.57	12.29	3.50	6.38	7.51
17	4.42	4.57	12.29	3.50	6.37	7.50
18	4.42	4.57	12.29	3.50	6.37	7.50
19	4.41	4.56	12.28	3.49	6.36	7.49
20	4.41	4.56	12.28	3.49	6.36	7.49

SAMBUTAN2 MAULUD DI-NEGERI BRUNEI



Kiri — Puan Malai Rogayah binti Malai Mashor kelihatan sedang berserah di-majlis sambutan Maulud di-Seria pada petang hari Sabtu yang lalu. Tengah — Satu pasokan perarakan. Kanan — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail kelihatan ketika memberi ucapan di-majlis sambutan Maulud di-Seria.



Kiri — Sa-bilangan Ahli2 Jawatan Kuasa Sambutan Maulud Daerah Belait kelihatan mendahului perarakan di-Seria. Tengah — Pasokan Perkumpulan Perempuan yang telah menjadi johan dalam peraduan perarakan bahagian orang2 dewasa perempuan. Kanan — Pemeriksa Sekolah2 Ugama Daerah Belait, Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah kelihatan berserah di-majlis sambutan yang terma'lon.

PERARAKAN DI-SERIA

SERIA. — Penduduk2 di-Daerah Belait telah menyambut hari lahirnya Nabi Muhammad dengan mengadakan perarakan sa-chara besar2an di-Seria pada petang hari Sabtu 3 Ogos.

Sa-banyak 23 pasokan telah mengambil bahagian dalam perarakan tersebut ia-itu mengandungi 11 pasokan murid2 sekolah, 9 pasokan orang2 dewasa 2 pasokan kereta berhias dan 1 pasokan hadzrah. Keputusan-nya ada-lah seperti di-bawah ini:

Bahagian murid2 sekolah: 1. Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria (Bahagian Perempuan). 2. Maktab Anthony Abell, Seria (Bahagian Perempuan) dan 3. Sekolah Melayu Tajuddin, Kuala Belait (Bahagian Lelaki).

Bahagian orang2 dewasa perempuan: 1. Perkumpulan Perempuan. 2. Darjah Ugama Dewasa Perempuan Seria, Pasokan "A" dan 3. Darjah Ugama Dewasa Perempuan Seria, Bahagian "B".

Bahagian orang2 dewasa lelaki: 1. Darjah Dewasa Ugama Lelaki, Seria. 2. Polis Belait dan 3. Pejabat2 Kerajaan Kuala Belait.

Bahagian kereta2 berhias: 1. Polis Belait. 2. Jabatan Elektrik.

Bahagian hadzrah — Di-menangi oleh Sungai Liang.

Hadiah2 kepada pasokan2 yang berjaya itu telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dan juga oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Othman-bin Pengiran anak Mohamed Salleh di-Kawasan Sokan Seria sa-telah selesai di-adakan perarakan tersebut.

Perayaan tersebut telah di-mulai dengan bacaan ayat suci Al-Koran oleh Awang Mukim bin Awang Hassan di-Kawasan Sokan. Sa-telah pasokan2 yang berarak balek ka-Kawasan Sokan itu, ucapan2 dan sharahan2 mengenai hari yang berperistiwa itu telah di-lafadzkan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail; Pengurus Perayaan Maulud Nabi Daerah Belait, Yang Di-mulihkan Bagawan Mudim Haji Adnan; Pemeriksa Sekolah2 Ugama Daerah Belait, Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah dan oleh Malai Rogayah binti Malai Mashor.

Majlis itu di-tamatkan dengan bacaan do'a selamat oleh Yang Di-

mulihkan Bagawan Mudim Haji Adnan.

Sementara itu penduduk2 di-Labi juga telah menyambut hari lahir Nabi Muhammad dengan mengadakan perarakan pada pagi hari Ahad 4 Ogos.

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah merasmikan pembukaan sambutan tersebut.

PERJUMPAAN DI-BANDAR BRUNEI


BANDAR BRUNEI. — Satu perjumpaan kaum Muslimin bagi memperingati hari lahirnya Junjongan kita, Nabi Muhammad s.a.w. telah diadakan di-pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin pada petang hari Jumaat 2 Ogos di-bawah anjoran Persatuan Kesatuan Islam Negeri Brunei.

Pengurus Persatuan Kesatuan Islam Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh telah membuka dengan rasmi-nya perjumpaan tersebut.

Di-antara para hadirin di-majlis tersebut ia-lah Timbalan Kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamaralzaman dan lain2-nya.

Sharahan2 bagi memperingati hari lahirnya Nabi Muhammad dan sabagai-nya telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh beberapa orang di-antara-nya ia-lah oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Mufti Negeri Brunei, Sahibul Fadillah Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz dan oleh Pemangku Pengueta Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin.

Majlis itu di-tamatkan dengan bacaan do'a selamat oleh Yang Di-Mulihkan Pehin Siraja Khatib Haji Sa'ad bin Juru Apog.



Satu pemandangan sambutan hari lahir Junjongan kita Nabi Muhamad s.a.w. di-pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada petang Jumaat 2 Ogos, 1963.

TITAH DULI YANG MAHA MULIA

(Dari Muka 1)

Malaysia yang di-chadangkan itu pada waktu ini.

Ini sudah tentu tidak-lah berma'ana yang kita tidak lagi menghargai bagi perhubungan rapat di-antara Brunei dengan negara2 tetangga-nya yang telah Beta sebutkan itu.

Ada-lah sesungguh-nya menjadi dasar Kerajaan Beta untuk memelihara dan memperkukuhkan perasaan kebajikan muhibbah yang ujud sa-bagai anutan di-antara kita sa-kalian dan Beta suka menjelaskan bahawa keputusan tidak memasoki Malaysia itu bukan-lah satu langkah yang berlawanan dengan hasrat baik2 pada memelihara dan mempereratkan tali kebajikan persahabatan muhibbah dengan jiran2 kita yang memasoki Ma'aysia.

Kebajikan ra'ayat Brunei tetap menjadi tumpuan hati Beta serta Kerajaan Beta. Dari itu telah menjadi tujuan Beta agar segala yang

boleh patut-lah di-lakukan untuk menjamin supaya kemajuan sentiasa bertambah dan masch berjalan dalam semua perkara yang melibat kemajuan sosial, siasah dan perkembangan ekonomi yang mendatangkan faedah dan kebajikan pada mereka.

Dengan tujuan ini maka Beta berchadang untuk pergi ka-London tidak berapa lama lagi bersama2 dengan anggota2 Kerajaan Beta untuk mengadakan perbincangan2 atas undangan Kerajaan Baginda Queen. Ini akan membolehkan, pertimbangan di-beri untuk memperolehi khas-nya bantuan pakar dan teknik bagi melatoh ra'ayat Brunei. Sememangnya telah menjadi tujuan Beta untuk memberi jaminan agar ra'ayat Brunei hendak-lah di-beri peluang bagi memperolehi kecekapan2 "professional" dan "teknikal" yang mana amat-lah mustahab jika mereka hendak mendapat kedudukan yang sempurna di-dalam kehidupan kemasyarakatan.

Oleh itu Beta sambah baik sa-barang bantuan yang dapat di-beri untuk menchapai maksud ini.

Beta yakin bahawa keputusan tidak memasoki Persekutuan yang di-chadangkan itu di-masa ini ada-lah untuk kepentingan kebajikan ra'ayat Brunei dan Beta percaya bahawa Beta boleh dengan sangkutan pada mengharapakan kepada ta'at setia dan kejujuran yang berterusan dari ra'ayat Brunei dan terutama sa-kali dari pegawai2 Kerajaan Beta.

Dari itu mari-lah kita maju kahadapan dengan yakin bahawa Negeri Brunei akan dengan kerja sama ra'ayat-nya, menchapai kema'moran dan ketenteraman yang telah di-nikmati oleh-nya di-masa2 yang lampau dengan gelaran "Brunei Darus Salam".

KERJA-KERJA KOSONG

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa daripada chalon2 yang men-djadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Pelajaran, Brunei:—

Hanya pemohon2 yang mem-punyai kelayakan2 berikut sahaja akan di-pertimbangkan

(a) **PEMANDU MOTOR SANGKUT/MEKANIK :**
(4 jawatan kosong)

(i) Pemohon2 mesti-lah mem-punyai pengalaman memandu motor sangkut sa-lama beberapa tahun dalam sebarang sungai di-mana2 daerah.

(ii) Pemohon2 mesti-lah mem-punyai sedikit pengetahuan mengenai engin motor sangkut dan boleh menjalankan pembaikan kecil.

Gaji: Dalam scale F.2-3-4-5-6 \$125x3-158-160-180x4-200.

(b) **PENJAGA (13 jawatan kosong)**

Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang daripada 30 tahun dan tidak lebeh daripada 45 tahun.

Tugas: Tugas jawatan ini adal-ha seperti yang di-tetapkan oleh Pengetua Sekolah .

Gaji: Dalam scale F.2-3-4 \$152x3-158-160.

(c) **DREBAR TINGKAT II:**
(4 jawatan kosong)

(i) Pemohon2 mesti-lah mem-punyai lesen2 memandu yang berpatutan dan mesti-lah mem-punyai beberapa tahun pengala-man.

(ii) Pemohon2 mesti-lah ber-umur tidak kurang daripada 20 tahun dan tidak lebeh daripada 50 tahun.

(iii) Chalon2 yang di-pileh mesti-lah boleh memandu kereta, bus, truck dan land-rover.

Gaji: Dalam scale F.5-6 \$180x4-200.

(d) **TUKANG KEBUN :**
(18 jawatan kosong).

Pemohon2 mesti-lah berumur-tidak kurang daripada 20 tahun dan tidak lebeh daripada 50 tahun.

Gaji: Dalam scale F.1-2-3-4-5 \$143x3-158-160-180.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 14 Ogos, 1963.

PENJAGA ASRAMA

Permohonan2 ada-lah di-jem-put bagi jawatan Penjaga Asrama Lelaki bagi Maktab Perguruan Melayu, Berakas, Brunei.

Kelayakan2 yang di-kehendaki ialah :

- (a) Lulus Form III Sekolah Inggeris dan Darjah V Sekolah Melayu.
- (b) Berumur di-antara 25 hingga 40 tahun.
- (c) Pemohon2 mesti-lah ra'-ayat Sultan Brunei.
- (d) Pengalaman yang lalu dalam pekerjaan menyelia-kan asrama atau pekerjaan yang serupa itu akan di-utamakan.

Tugas2: (a) Menyelia semua kaki-tangan buroh. (b) Menyelia persediaan dan masakan ma-kanan, termasuk membeli dan menyediakan daftar makanan. (c) Menyelia pekerjaan mem-bersihkan semua bangunan2.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$400x20-640.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 de-ngan surat2 akuan dan sijil2 ka-pada Setia Usaha Kerajaan, Bru-nei, tidak lewat daripada 19 Ogos, 1963.

PENOLONG JURURAWAT

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa daripada chalon2 perempuan yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'-ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk men-djadi Penolong Jururawat Perchu-baan di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah belum berkahwin dan ber-umur antara 16 dan 25 tahun serta sehat. Pemohon2 yang telah lulus Darjah VI di-Sekolah Melayu atau mereka yang lulus Form I di-Sekolah Inggeris akan di-pertimbangkan. Hanya chal-on2 yang bersedia berkhidmat di-Pusat2 Kesehatan sahaja di-ke-hendaki memohon jawatan ini.

Tingkatan2 gaji ada-lah saperti berikut:

Penolong Jururawat Perchubaan — \$183 x 7-204.

Penolong Jururawat Terlateh — \$211-220 x 10-260-280-290-300

Penolong Jururawat Kanan — \$290 x 20-370-380.

Pakaian sama akan di-beri per-chuma. Tempat tinggal akan di-sediakan sa-masa menjalani latehan. Tambahan dari itu alaon chatuan sa-banyak \$35.00 akan di-bayar sa-masa dalam perchu-baan.

Penolong Jururawat Perchubaan yang berkahwin sa-masa dalam perchubaan akan di-minta meletakkan jawatan dengan serta merta.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 31 Ogos, 1963.

PEMBANTU RUMAH SAKIT

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa daripada chalon2 yang men-jadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk lantekan sa-bagai Pembantu Rumah Sakit Perchu-baan di-Pejabat Perubatan, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah berumur antara 18 dan 25 tahun serta sehat. Pemohon2 mesti-lah sekurang2nya berkelulusan Form III di-Sekolah Inggeris.

Tingkatan2 gaji ada-lah saperti berikut.

Pembantu Rumah Sakit Perchubaan — \$211-220x10-260-280.

Pembantu Rumah Sakit Terlateh — \$350-370-380-400 x 20-440 /BAR/460 x 20-600.

Pembantu Rumah Sakit Kanan — \$570 x 30-840.

Chalon2 yang di-pileh akan menjalani latehan sa-lama tiga tahun empat bulan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 31 Ogos, 1963.

PERTANDINGAN 'MISTER BRUNEI DAN MISS BRUNEI'

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan2 untuk merebutkan gelaran2 "Mister Brunei Tahun 1963" serta "Junior Mister Brunei Tahun 1963" dan juga "Miss Brunei Tahun 1963" akan di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dalam bulan hadapan sa-bagai salah satu achara sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan.

Pertandingan2 pemilihan akan di-langsungkan pada malam 19 September, manakala pertand-ingan2 akhir akan di-adakan pa-da malam 20 September.

Berhubung dengan pertand-ingan2 tersebut, Pengurus Jawa-tan Kuasa pertandingan2 itu, Yang Berhormat Inche R.D. Ross menyatakan kepada wartawan kita bahawa pertandingan2 Mis-ter Brunei dan Junior Mister Brunei pada tahun ini adal-ha terbuka kepada semua bangsa yang tinggal di-Negeri Brunei.

SHARAT2

Tinggi tiap2 peserta yang ber-hajat hendak mengambil baha-gian dalam pertandingan Mister Brunei, kata-nya, mesti-lah lebeh daripada 5 kaki, 4 inci dan ting-gi tiap2 peserta yang ingin bertanding dalam pertandingan Junior Mister Brunei mesti-lah 5 kaki, 4 inci atau pun kurang.

Berkenaan dengan pertand-ingan Miss Brunei pula, kata-nya, tinggi dan umur para peserta ti-dak-lah di-hadkan.

Wanita2 yang berhajat hendak bertanding dalam pertandingan Miss Brunei, kata-nya lagi, hendak-lah memakai Pakaian Ke-

bangsaan, mithal-nya Sarong Ke-baya, Cheongsam dan sa-bagai-nya.

Yang Berhormat Inche Ross menegaskan bahawa orang2 yang telah memenangi gelaran2 Mister Brunei, Junior Mister Brunei atau Miss Brunei sa-lama dua ta-hun atau lebeh berturut2 tidak-lah akan di-terima masuk bertanding.

Orang2 yang hendak mengamb-il bahagian dalam pertandingan Mister Brunei dan Junior Mister

Brunei hendak-lah hantarkan surat2 permohonan mereka, tidak lewat dari 16 September kepada:

Inspektor Awangku Omar bin Pengiran Apong di-Ibu Pejabat Pulis, Bandar Brunei; atau Borneo Company, Bandar Brunei; atau J. Allen, Sekolah Pertukangan Sharihat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria; atau pun kepada Borneo Company, Kuala Belait.

Wanita2 yang berhajat hendak bertanding dalam pertandingan Miss Brunei, hendak-lah amatkan surat2 permohonan mereka kepada Dayangku Intan binti Pengiran Apong di-Jabatan Sian-radio dan Penerangan, Bandar Brunei atau pun kepada Miss Susannah Goh di-Ibu Peja-bat Sharihat Minyak Shell Bru-nei Berhad, Seria, tidak lewat dari 16 September.



Ahli2 Pancharagam Pasokan Gurkha kelihatan dalam gambar ini sedang menunjukkan perbarisan di-Bandar Brunei baharu2 ini.

SEPAK RAGA JARING GURU2 BAHAGIAN BRUNEI DUA MENANG

BANDAR BRUNEI. — Pasokan ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei Bahagian Brunei Dua, di-ketuai oleh Chegu Hassan bin Sunggoh dari Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut, telah berjaya memenangi Perisai P.G.G.M.B. dalam pertandingan akhir Sepak Raga Jaring antara pasokan2 ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Dalam pertandingan akhir sepak raga jaring itu, pasokan yang di-ketuai oleh Chegu Hassan bin Sunggoh telah mengalahkan pasokan yang di-ketuai oleh Chegu Sulaiman bin Mohamed Arshad dari Sekolah Melayu Mohamed Alam, Seria, Bahagian Belait dengan 15-13 dan 15-10 mata.

Pertandingan tersebut telah di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei, berhadapan Ibu Pejabat Pulis Negeri Brunei, pada petang-hari Juma'at 19 Julai, 1963 dan di-saksikan oleh ramai peggemar2 permainan sepak raga jaring.

Sa-belum pertandingan tersebut di-jalankan satu pertandingan bahagian suku akhir telah di-adakan di-antara pasokan yang di-ketuai oleh Chegu Sulaiman bin Mohamed Arshad dari Bahagian Belait dengan pasokan yang di-ketuai oleh Chegu Awangku Yassin dari Bahagian Brunei Dua.

Dalam pertandingan tersebut, pasokan yang di-ketuai oleh Chegu Sulaiman telah mengalahkan pasokan yang di-ketuai oleh Chegu Awangku Yassin dengan 15-4 dan 15-11 mata.

Kemudian dua pertandingan sa-paroh akhir untuk menentukan pasokan2 untuk mengambil bahagian dalam pertandingan akhir telah di-adakan.

Dalam pertandingan sa-paroh pertama, pasokan yang di-ketuai oleh Chegu Hassan bin Sunggoh dari Bahagian Brunei Dua telah mengalahkan pasokan yang di-ketuai oleh Chegu Zaidi Taha dari Bahagian Brunei Satu dengan 15-10, 13-15 dan 15-8 mata.

Dalam pertandingan sa-paroh akhir yang ke-dua pula, pasokan yang di-ketuai Chegu Sulaiman dari Bahagian Belait telah mengalahkan pasokan yang di-ketuai oleh Chegu Nasir dari Bahagian Belait juga dengan 15-6, 13-15 dan 15-12 mata.

Kemudian tiba-lah masa di-adakan pertandingan akhir untuk menentukan pasokan sepak raga jaring yang handal sa-kali dalam pertandingan sepak raga jaring tersebut.

Sa-lepas berehat sa-jurus Pengadil pertandingan tersebut, Inche Abu Zar bin Abu Bakar pun memperkenalkan pasokan2 yang telah berjaya di-pilih untuk bertanding dalam pertandingan kejujanaan sepak raga jaring itu.

Ahli2 pasokan2 tersebut ia-lah: Chegu Hassan bin Sunggoh (Ketua Pasokan), Chegu Abdullah Kalong dan Chegu Awangku Mohamed bin Pengiran Omar — dari Bahagian Brunei Dua.


Chegu Sulaiman bin Mohamed Arshad (Ketua Pasokan), Chegu

Awangku Ali bin Pengiran Abdul Rahman dan Chegu Ali Hassan — dari Bahagian Belait.

Pasokan Chegu Hassan telah mengalahkan Pasokan Chegu Sulaiman dengan 15 mata berbalas 3 mata dalam pusingan yang pertama dengan mengambil masa 8 minit.

Dalam pusingan yang ke-dua pula, Pasokan Chegu Hassan telah mengalahkan Pasokan Chegu Sulaiman dengan 15 mata berbalas 10 mata dengan mengambil masa 13 minit.

Maka dengan keputusan tersebut berma'na-lah bahawa Pasokan Chegu Hassan Sunggoh dari Sekolah Melayu Bahagian Brunei Dua telah menjadi johan, manakala Pasokan Chegu Sulaiman dari Sekolah Melayu Bahagian Belait menjadi naib johan dalam pertandingan sepak raga jaring tersebut.



Gambar2 ini telah di-ambil di-Pertandingan Sokan Borneo yang telah di-langsungkan di-Jesselton pada bulan Julai yang lalu. Berita2 mengenai pertandingan sokan itu telah di-siarkan dalam PELITA BRUNEI pada 17 Julai. Gambar kiri — Pasokan Brunei kelihatan sedang berbaris di-temasha sokan itu. Gambar kanan — Satu pemandangan di-majlis pembukaan rasmi temasha sokan itu.



Pasokan Chegu Hassan Sunggoh yang telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan Sepak Raga Jaring di-antara ahli2 P.G.G.M.B. baharu2 ini.

Sa-baik sahaja selesai di-adakan pertandingan tersebut, Yang Dipertua Agong, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Chegu Shahabudin bin Mohamed Saleh telah menyampaikan Perisai Persekutuan Guru2 Melayu Brunei kepada pasokan yang menjadi johan dan piala perak kepada tiap2 pemain yang mengambil bahagian dalam pertandingan akhir sepak raga jaring tersebut.

Perlumbaan "Big Walk"

SERIA. — Perlumbaan berjalan kaki jarak jauh ia-itu "Big Walk" sa-jauh 10 batu terbuka kepada peserta2 lelaki dari Kuala Belait ka-Seria dan sa-jauh 6 batu terbuka kepada wanita2 telah di-langsungkan baharu2 ini di-bawah anjoran Klab Belia Seria dengan mendapat sambutan yang baik dari kalangan peserta2.

Keputusan2 perlumbaan berjalan kaki itu ada-lah seperti berikut:

Bahagian lelaki: 1. P.C. 374 Pasan — masa-nya 2 jam, 4 minit dan 2 sa'at. 2. William Chang dan 3. Awangku Abdullah.

Bahagian wanita: 1. Alice Ng — masa-nya 1 jam, 26 minit, 34.5 sa'at. 2. Liew Piang Yin dan 3. Doreen Hiew.

Bahagian Pasokan2 Keselamatan: 1. Lance Koprul Johnson — masa-nya 1 jam, 58 minit, 3 sa'at. 2. Kimmunis dan 3. J. Barr.

Bahagian Pasokan2: 1. Pasokan yang di-ketuai oleh Lieutenant B. Starling Hamilton — jumlah masa yang di-perolehi oleh ahli2 pasokan itu sa-ramai tiga orang ia-lah 6 jam, 7 minit dan 7 sa'at. 2. Pasokan P.C. Ahmad dan 3. Pasokan Awangku Abdullah.

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 dan pasokan2 yang berjaya dalam perlumbaan tersebut dan beliau juga telah menyampaikan sijil2 kepada semua peserta yang telah dapat sampai ka-tempat penghabisan perlumbaan tersebut.

Lumba Melintasi Desa Anjoran Maktab Perguruan

BERAKAS. — Abu Bakar bin Ibrahim dari Rumah Nakhoda Manis telah berjaya memenangi perlumbaan melintasi desa2 dan bukit-bukau antara penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei yang telah di-adakan di-kawasan Berakas sa-jauh 4 batu pada pagi 30 Julai yang lalu dengan mengambil masa 30 minit, 15 sa'at.

Naib johan perlumbaan itu ia-lah Abdul Latif bin Chuchu dari Rumah Bendahara Sakam. Masa yang di-perolehi ia-lah 30 minit, 18 sa'at, ia-itu hanya tiga sa'at sahaja terlewat dari Abu Bakar — johan perlumbaan tersebut.

Gelaran ketiga di-chapai oleh Bongsu bin Haji Sabtu dari Rumah Nakhoda Manis. Ia telah mengambil masa 31 minit, 18 sa'at.

Sa-ramai 134 orang penuntut2 telah mengambil bahagian dalam perlumbaan lari melintasi desa dan bukit-bukau tersebut.

Semua-nya telah lari dengan mempunyai penoh "semangat kesokanan" dan telah berikhtiar dengan seberapa daya upaya untuk mendapat gelaran kejujanaan perlumbaan itu.

Keputusan perlumbaan di-antara pasokan2 ada-lah seperti di-bawah ini:

1. Rumah Awang Semaun — 80 mata.

Hadiah2 kepada peserta2 dan pasokan2 yang berjaya dalam perlumbaan tersebut akan di-sampaikan di-temasha Sokan Tahunan Maktab Perguruan Melayu Brunei yang akan di-langsungkan pada hari Ahad 18 Ogos di-padang maktab itu.

- 1. Rumah Bendahara Sakam — 91 mata.
- 2. Rumah Nakhoda Ragam — 86 mata.
- 3. Rumah Nakhoda Manis — 82 mata dan



Puan Wong Yeh Kong pemenang lompat tinggi bahagian wanita di-Pertandingan Sokan Brunei sedikit hari dahulu kelihatan sedang "terbang di-udara."

Ahli2 Baharu Majlis Meshuarat Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Majlis Meshuarat Dharurat Negeri Brunei yang telah di-bentok di-bawah Undang2 Dharurat telah di-bubarkan dan tempat-nya di-gantikan dengan Majlis Meshuarat Negeri yang baharu di-bentok sa-mula.

Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang baharu ada-lah mengandongi 6 orang ahli2 kerana jawatan, 10 orang ahli2 rasmi dan 19 orang ahli2 yang tidak rasmi.

Semua-nya telah di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan.

Ahli2 yang tidak rasmi itu ada-lah mengandongi pemimpin2 kaum dari berbagai2 bangsa, wakil2 perdagangan dan pemimpin2 pertubuhan2 politik.

Sungguh pun Majlis Meshuarat Dharurat telah di-bubarkan, akan tetapi Undang2 Dharurat sa-chara umom belum-lah di-batalkan lagi.

Keadaan dharurat yang telah di-luluskan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan dengan pengishtiharan Undang2 Dharurat pada 12 Desember, 1962 akhibat dari terchetus-nya penderhakaan di-Negeri Brunei pada 8 Desember, 1962 maseh di-kuatkuasakan lagi.

Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang baharu di-bentok itu ia-lah :

AHLI2 ATAS NAMA JAWATAN

Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar, Brunei. Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Timbalan Menteri Besar, Brunei. Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamaralzaman, Setia Usaha Kerajaan, Brunei. Yang Berhormat Inche John Lee, Pegawai Kewangan Negara, Brunei. Yang Berhormat Inche Idris Talog Davies, Peguam Negara, Brunei dan Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh, Penasehat Ugama Negeri Brunei

AHLI2 RASMI

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei. Yang Berhormat Inche Sa'ad bin Marzuki, Pesuruh Jaya Kemajuan Negara, Brunei. Yang Berhormat Inche Ahmad bin Haji Abdul Aziz, Jurutera Negara, Brunei. Yang Berhormat Doktor Abdul Wahab Ariff, Pegawai Perubatan Negara, Brunei. Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes, Pegawai Pelajaran Negara, Brunei.

Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir, Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Negeri Brunei. Yang Berhormat Pengiran Bahar

bin Pengiran Shahbandar, Pesuruh Jaya Buroh, Brunei. Yang Berhormat Inche Othman Chua Kwang Soon, Pengawal Kastam dan Bea Negeri Brunei. Yang Berhormat Inche Hamidoo bin Awang Damit, Pegawai Pertanian Negara, Brunei dan Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Haji Masri, Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei.

AHLI2 TIDAK RASMI

Yang Berhormat Inche Abdul Manan bin Mohamed. Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Umar. Yang Berhormat Inche Arshad bin Marsal. Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Lukan bin Uking. Yang Berhormat Abang bin Sahat. Yang Berhormat Inche Timbang Maharaja Angi.

Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar bin Duli Pengiran Pemancha Mohamed Salleh. Yang Berhormat Inche Ariff bin Munjun. Yang Berhormat Tuan Haji Merhusin bin Abdullah. Yang Berhormat Inche Kahan bin Israil. Yang Berhormat Longkah anak Rantap. Yang Berhormat Inche R.D. Ross. Yang Berhormat Pehin Bendahari China Hong Kok Tin.

Yang Berhormat Pehin Dato Temanggung Lim Cheng Choo. Yang Berhormat Inche Ibrahim bin Haji Ismail. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksmamana Dato Setia Haji Mohamad Taha. Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Limbang. Yang Berhormat Inche Chong Seng Toh dan Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahftar.

BUKU2 DAN SURAT2AN LAMA


DI-KEHENDAKI

BANDAR BRUNEI—Orang ramai yang ada mempunyai buku2 atau surat2an yang lama ada-lah di-minta berhubung dengan Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, sama ada buku2 atau surat2an yang lama itu akan di-jual atau di-hadihkan.

Di-antara buku2 dan surat2an yang di-kehendaki itu ia-lah seperti Shaer Si-Merchu Gunung, Shaer Rakis, Surat Dang Rukam, Surat Dang Pandan Larangan, Salasilah Raja2 dan Surat2 yang mengenai sejarah.

Buku2 itu akan di-simpan di-Perpustakaan Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei dan akan di-jadikan bahan kepada ahli2 penyelidekan dan untuk kegunaan orang ramai.

GURU-GURU MELAYU BRUNEI BERJIWA MULIA BERBAKTI KAPADA BAGINDA DAN NEGARA MENDIDEK KANAK-KANAK KA-MEDAN BAHAGIA MEMBENA BANGUNAN KEMEGAHAN NEGARA!



Lukisan Bangunan Guru2 Melayu Brunei. Bangunan ini akan di-bena oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei sa-tinggi enam tingkat dengan perbelanjaan sa-banyak kira2 \$1,100,000 dan di-jangka siap pada penghujung bulan Julai, 1964.

Kenyataan Kerajaan Terhadap Tuduhan Ahli Parlimen Inggeris

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah membidas tuduhan sa-orang Ahli Parlimen Inggeris, Inche Arthur Bottomley yang telah menudoh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan sa-bagai "bersubahat" dalam penderhakaan di-Negeri Brunei pada bulan Desember yang lalu.

Inche Bottomley telah membuat tuduhan itu dalam persidangan Parlimen pada bulan Julai yang lalu.

Dalam satu kenyataan berhubung dengan perkara tersebut, Kerajaan Brunei berkata bahawa tuduhan karut yang telah di-buat oleh sa-orang Ahli Parlimen Inggeris di-London yang telah menudoh bahawa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei telah bersubahat dengan penderhakaan yang berlaku di-Brunei pada tahun lalu dan memikirkan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei berharap menjadi Raja bagi Ketiga2 wilayah Inggeris Borneo itu ada-lah sangat2 mendukachitakan ra'ayat Brunei dan sangat di-kesali bahawa tuduhan serupa itu di-buat oleh sa-orang Ahli Parlimen Inggeris.

Nyata-lah bahawa tuduhan karut itu di-buat terdorong o'leh perasaan yang tidak sedar akan keadaan yang sa-benar-nya dan tidak berasas sama sa-kali.

Kenyataan itu menambahkan kata bahawa jika apa yang di-katakan oleh Ahli Parlimen Inggeris itu benar, maka penderhakaan di-Brunei itu tidak shak lagi tentu sudah berjaya dan bantuan Askar2 Inggeris tentu tidak di-pinta dan tidak di-kehendaki oleh Baginda, datang Ka-Brunei.

Chadangan yang telah di-buat oleh Wakil2 Kerajaan Baginda Queen dalam tahun 1955 dahulu yang hendak merapatkan perhubungan ketiga2 wilayah Inggeris Borneo itu, bukan hanya di-tolak oleh Baginda malah Baginda

tidak berkehendak Negeri Brunei yang kecil ini di-jadikan pusat pengulang sejarah sunggoh pun Baginda mengenal benar2 akan sejarah lama.

Pertandingan Akhir Sepak Raga Sekolah2

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Sepak Raga Jaring terbuka kepada Sekolah2 Melayu, China dan Inggeris dalam Negeri Brunei, peringkat akhir akan di-langsungkan di-Padang Bandar Brunei pada hari Jumaat 9 Ogos, 1963 mulai pada pukul 3 petang.

Pasokan2 yang akan bertanding dalam pertandingan akhir bagi merebutkan gelaran2 kejohanan sepak raga jaring itu ada-lah seperti di-bawah ini.

Pasokan "A" : Kumpulan Brunei Satu — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. Kumpulan Brunei Dua — Sekolah Melayu Pengkalan Batu. Kumpulan Temburong — Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar. Kumpulan Belait — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin dan Kumpulan Tutong — Sekolah Melayu Muda Hashim.

Pasokan "B" : Kumpulan Brunei Satu — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. Kumpu'an Brunei Dua — Sekolah Melayu Sungai Hanching. Kumpulan Temburong — Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar. Kumpulan Belait — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin dan Kumpulan Tutong — Sekolah Melayu Kiudang.